

Headline	Jenayah keganasan seks meningkat hampir 50 peratus dalam lima tahun		
Date	20 Apr 2010	Language	Malay
MediaTitle	New Sabah Times Bahasa (KK)	Page No	7
Section	Semasa	Article Size	93 cm ²
Journalist	N/A	Color	Black/white
Frequency	Daily	ADValue	97
Circ / Read	23,655 /	PRValue	290



Jenayah keganasan seks meningkat hampir 50 peratus dalam lima tahun

KUALA LUMPUR: Jumlah kes jenayah keganasan seks, termasuk liwat dan sumbang mahram yang dilaporkan meningkat hampir 50 peratus dalam tempoh lima tahun bermula 2005.

Menteri Dalam Negeri Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein berkata pada tahun lepas sejumlah 4,238 kes jenayah keganasan seks termasuk rogol, liwat dan sumbang mahram dilaporkan berbanding 2,427 kes yang dicatat pada 2005.

Pada 2006 pula, sejumlah 2,943 kes jenayah berkenaan dilaporkan diikuti 3,689 (2007) dan 3,986 (2008), katanya dalam jawapan bertulis pada persidangan Dewan Rakyat di sini kelmarin.

Beliau berkata demikian bagi menjawab soalan Teresa Kok (DAP-Seputeh) mengenai pecahan bilangan laporan polis berkenaan kes jenayah yang berkaitan dengan jenayah seks sejak 2005 hingga 2009.

Hishammuddin berkata berdasarkan statistik jumlah tangkapan bagi kes keganasan seks bagi tempoh yang sama ialah 1,504 pada 2005, 1,837 (2006), 2,649 (2007), 2,656 (2008) dan 2,701 (2009).

"Manakala statistik pesalah yang telah didakwa di mahkamah menunjukkan seramai 308 pesalah telah didakwa pada 2005, 410 (2006), 304 (2007), 228 (2008) dan 187 (2009)," katanya.

Menjawab soalan Kok mengenai langkah yang diambil kementerian untuk menangani masalah kematian dalam penjara dan pusat tahanan pendatang tanpa izin, Hishammuddin berkata kementerian antara lain menyediakan perkhidmatan doktor panel di seluruh institusi penjara bagi tujuan memeriksa dan merawat penghuni.

"Penghuni dan tahanan depot juga diwajibkan menjalani pemeriksaan kesihatan semasa kemasukan," katanya.

Beliau berkata kementerian turut menyediakan prosedur mempercepatkan rawatan kesihatan di hospital luar penjara, menyediakan kemudahan 'sick-bay' serta meningkatkan kemudahan ubatan dan peralatan untuk klinik dalam penjara.

"Kementerian juga mengadakan kerjasama di antara Jabatan Imigresen dan Kementerian Kesihatan bagi pengisian jawatan Pembantu Perubatan Gred U29 di setiap Depot Tahanan Imigresen," katanya.

Anggota penjara turut dilatih sebagai 'medical-orderly' untuk mengawal pemberian ubat dan menyelia keperluan rawatan lawatan penghuni selain menyediakan kemudahan Sistem Maklumat HIV (SIMHIV) di Jabatan Penjara untuk kemudahan penghuni penghidap HIV.-Bernama